




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

18 SEPTEMBER 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 137 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 393,039 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 169 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 384,957 orang. Manakala 249 pesakit sedang menerima rawatan di hospital. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah sembilan (9) orang iaitu di ICU/repurposed kritikal *care* manakala empat (4) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 15 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Angka jangkitan baharu susut kepada 137 kes hari ini, penurunan 13 kes berbanding jumlah semalam. Penurunan ini adalah bersesuaian dengan penurunan kadar positifiti daripada 11.34% kepada 10.84% walaupun sampel ujian meningkat sedikit daripada 1,340 kelmarin kepada 1,375 hari ini.
- b. Daripada aspek statistik, keadaan bertambah baik hari ini. Bilangan daerah yang tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu bertambah kepada 12 daerah daripada tujuh (7) daerah kelmarin. Hanya tiga (3) daerah merekodkan kes baharu dua (2) angka, iaitu Kota Kinabalu dengan 56 kes (-5), Penampang 29 kes (+22) dan Tawau 11 kes (+/-). Lahad Datu yang merekodkan 12 kes sebelum ini tidak mencatatkan jangkitan baharu hari ini. Kudat yang mencatatkan kes dua (2) angka kelmarin cuma merekodkan tiga (3) kes baharu.
- c. Secara keseluruhan keadaan masih 'rapuh' (volatile) dengan statistik jangkitan harian turun naik secara mendadak. Penampang yang mencatatkan hanya tujuh (7) jangkitan kelmarin melonjak naik kepada 29 kes hari ini. Sebaliknya Lahad Datu yang merekodkan 12 kes kelmarin tidak mencatat sebarang jangkitan baharu hari ini. Pergerakan angka jangkitan harian sukar diramal. Yang jelas ialah kadar positifiti masih lagi pada tahap yang tinggi.
- d. Sebanyak 136 daripada 137 kes baharu adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta satu (1) kes dalam Kategori 3.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	10	7.30%
3	Bergejala	120	87.59%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	7	5.0%
JUMLAH		137	100%

B. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/09/2022	Catatan Kes 18/09/2022	Perbandingan
1	Penampang	7	29	22
2	Tuaran	2	8	6
3	Pitas	0	5	5
4	Keningau	2	5	3
5	Kinabatangan	1	4	3
6	Tenom	0	2	2
7	Tongod	0	1	1
8	Tawau	11	11	Mendatar
3	Sandakan	8	8	Mendatar
10	Sipitang	0	0	Mendatar
11	Telupid	0	0	Mendatar
12	Beaufort	0	0	Mendatar
13	Tambunan	0	0	Mendatar
14	Lahad Datu	12	0	-12
15	Kudat	12	3	-9
16	Kota Belud	7	1	-6
17	Kota Kinabalu	61	56	-5
18	Papar	6	1	-5
19	Ranau	5	0	-5
20	Kalabakan	3	0	-3
21	Kuala Penyu	2	0	-2
22	Nabawan	2	0	-2
23	Putatan	2	0	-2
24	Kota Marudu	3	2	-1
25	Semporna	2	1	-1
26	Beluran	1	0	-1
27	Kunak	1	0	-1
JUMLAH		150	137	-13

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 954 unit.

- Hospital 906 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 26.10%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 SEPTEMBER 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	136
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	137

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	134
Bukan Malaysia	3
Jumlah	137

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	10
Belum Menerima Vaksin (5-11)	4
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	2
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	51
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	70
Jumlah	137

iii. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1-4	5
5 -11	11
12-17	7
18-29	26
30-39	29
40-49	22
50-59	12
60-69	11
70-79	4
80-89	5
>90	0
Jumlah	137

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II